

AXCEL MEFENAMIC ACID SUSPENSION

Mefenamic Acid (125mg /5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Mefenamic Acid Suspension.
2. Bagaimana Axcel Mefenamic Acid Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Mefenamic Acid Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Mefenamic Acid Suspension

Untuk melegakan kesakitan jenis ringan sehingga sederhana termasuk:

- Sakit kepala.
- Sakit gigi.
- Sakit selepas pembedahan dan sakit haid.
- Gangguan sistem rangka otot dan sendi seperti Osteoarthritis (penyakit degeneratif sendi), arthritis reumatoid (penyakit keradangan yang mempengaruhi sendi).
- Demam di kalangan kanak-kanak dan arthritis reumatoid juvenil (penyakit sendi yang mempengaruhi kanak-kanak).

Bagaimana Axcel Mefenamic Acid Suspension berfungsi

Axcel Mefenamic Acid Suspension mengandungi bahan aktif Mefenamic Acid. Mefenamic Acid tergolong dalam kumpulan ubat *non-steroid anti-inflammatory drugs* (NSAIDs). Ubat ini membantu mengurangkan keradangan, kesakitan dan demam.

Sebelum menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension

– Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Axcel Mefenamic Acid Suspension:

- Jika anda alergi atau hipersensitif kepada Mefenamic Acid atau bahan kandungan lain

yang disenaraikan di hujung risalah ini.

- Jika anda menghadapi penyakit radang usus.
- Jika anda menghadapi ulser pada perut dan/atau usus.
- Jika anda mengalami masalah hati atau ginjal.

– Sebelum menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension

Sila maklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada mana-mana ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Jika anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Jika anda menghadapi asma atau bronkospasma (penyempitan saluran udara).
- Jika anda mengalami gangguan pendarahan.
- Jika anda menghadapi atau pernah menghadapi masalah ulser, pendarahan dan penembusan pada perut dan usus.
- Jika anda pernah mempunyai reaksi hipersensitiviti pada aspirin atau mana-mana NSAID.
- Jika anda menghadapi penyakit darah tinggi.
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang, hati dan jantung.
- Sila berunding dengan doktor anda sebelum mula menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension jika anda mengandungi, merancang untuk mengandungi, menyusukan anak atau berniat untuk menyusukan. Doktor anda akan menimbang risiko untuk anda mengambil Axcel Mefenamic Acid Suspension berbanding manfaat yang mereka harapkan untuk anda.
- Jika anda adalah warga emas, dan mengalami dehidrasi dan penyakit buah pinggang.
- Jika anda mengalami menorrhagia (pendarahan berlebihan semasa haid), kekurangan tindak balas terhadap rawatan.

- Jika anda mengalami dispepsia (rasa tidak selesa di kawasan epigastrik disebabkan masalah pencernaan)
- Axcel Mefenamic Acid Suspension boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, contohnya *exfoliative dermatitis* (kulit bersisik), *toxic epidermal necrolysis*, *Steven-Johnson Syndrome*. Simptom-simptom termasuk ruam kulit, lepuh dan mengelupas. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan yang serius. Jika tindak balas ini berlaku, berhenti menggunakannya dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

– Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Penggunaan lebih daripada satu NSAID.
- Corticosteroid (ubat untuk mengurangkan keradangan).
- Oral anticoagulant (ubat untuk mencairkan darah)
- Lithium (ubat yang digunakan untuk kemurungan)
- Methotrexate (ubat untuk merawat arthritis reumatoid serta beberapa jenis kanser)
- Cardiac glycosides (ubat untuk jantung).
- Perencat ACE, betablocker dan diuretics (ubat untuk mengawal tekanan darah).
- Quinolones (sejenis antibiotik untuk merawat jangkitan).
- Phenytoin (ubat yang digunakan untuk sawan)
- Sulphonylurea (ubat yang digunakan untuk kencing manis).

Cara menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension

– Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja. Goncang dengan betul sebelum digunakan.

Dos untuk dewasa:

Pada permulaan, ambil 20ml (500mg) dan kemudian 10ml (250mg) setiap 6 jam.

AXCEL MEFENAMIC ACID SUSPENSION

Mefenamic Acid (125mg /5ml)

Dos untuk kanak-kanak:

Bagi kanak-kanak berusia 6 bulan ke atas, ambil 1ml (25mg) /kg berat badan sehari dalam dos terbahagi. Tempoh penggunaan Axcel Mefenamic Acid Suspension adalah tidak melebihi 7 hari berturut-turut.

Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak faham akan arahan pada label, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda untuk bantuan.

Axcel Mefenamic Acid Suspension tidak disarankan kepada kanak-kanak di bawah umur 6 bulan.

– Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Mefenamic Acid Suspension.

– Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

– Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

– Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda

mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

- Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan keracunan pada sistem saraf pusat seperti sawan atau koma.

Semasa menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension

– Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Mefenamic Acid Suspension.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

– Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Mefenamic Acid Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

– Perkara yang perlu diberi perhatian

- Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan Axcel Mefenamic Acid Suspension terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Mefenamic Acid Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Gangguan perut dan usus.

- Haemolytic anaemia berbalik (masalah darah).
- Cirit-birit.
- Ruam.
- Kegagalan fungsi buah pinggang.
- Bronkospasma (boleh menjadi lebih teruk jika anda mengalami atau mempunyai sejarah terdahulu asma bronkial atau penyakit alergi).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Mefenamic Acid Suspension

– Penyimpanan

Jauhkan Axcel Mefenamic Acid Suspension daripada jangkauan kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

– Pelupusan

Jangan guna Axcel Mefenamic Acid Suspension yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

– Rupa dan warna produk

Axcel Mefenamic Acid Suspension ialah ampaiian berwarna putih dengan perisa strawberi.

– Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Mefenamic Acid.

Bahan Tidak Aktif:

Strawberry flavour, Polysorbate 20 (Tween 20), Sodium Citrate, Xanthan Gum, Citric Acid Anhydrous,

AXCEL MEFENAMIC ACID SUSPENSION

Mefenamic Acid (125mg /5ml)

Refined Sugar, Methylparaben,
Saccharin Sodium, Purified Water,
Propylene Glycol.

– Nombor MAL
MAL20013770AZ

**Pengilang dan pemegang
pendaftaran produk**
KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
22/07/2015

Nombor Siri
BPFK(R4/1)090715/00184